



PARLIMEN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah **Kod Bidang Pendaftaran Kewangan : 070101, 070201, 070302, 221003, & 221002** yang mana pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa dan telah diperbolehkan untuk ePerolehan (**eP enabled**) bagi menyertai tender berikut :

Tajuk Tender / No. Tender	Kod Bidang Pendaftaran	Perincian
<p>Tajuk :</p> <p>PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN SOFTSCAPE (MEMOTONG RUMPUT DAN PENYELENGGARAAN TANAMAN LANDSKAP) DAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN HARDSCAPE DI PARLIMEN MALAYSIA BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN.</p> <p>No. Sebut Harga : QT260000000018302 – PAR.2/368 T.6/2026</p>	<p>Kementerian Kewangan :</p> <p>Kod Bidang –</p> <p>070101, 070201, 070302, 221003 & 221002</p>	<p>Tarikh Mula Tawaran :</p> <p>07 Julai 2026 (Selasa), 12.00 tengah hari</p> <p>Tarikh Taklimat (wajib):</p> <p>10 Julai 2026 (Jumaat), 10.00 Pagi</p> <p>*Nota Penting Lawatan Tapak : Pakaian Pejabat/ Lounge suit (Tidak Dibenarkan Memakai Seluar Jeans dan Selipar) & Penampilan mestilah kemas</p> <p>Tarikh Tutup Tawaran :</p> <p>03 Ogos 2026 (Isnin), 12.00 tengah hari</p>

- ❖ Syarikat yang berminat yang mempunyai Kod Bidang Kementerian Kewangan seperti di atas perlu mengunci masuk Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal serta memuatnaik dokumen-dokumen yang telah ditetapkan ke dalam sistem ePerolehan selewat-lewatnya **03 Ogos 2026 (Isnin), sebelum 12.00 tengah hari.**
- ❖ Taklimat akan diadakan pada **10 Julai 2026 (Jumaat)** di **Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 3, Aras 2, Blok Sementara, Bangunan Parlimen, Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680, Kuala Lumpur, jam 10.00 Pagi.** Kontraktor **Diwajibkan** Hadir pada sesi taklimat / lawatan tapak tersebut.
- ❖ Syarikat dikehendaki membawa Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia bagi tujuan pengesahan oleh Urus Setia semasa lawatan tapak / taklimat diadakan. Salinan sijil tersebut akan disimpan oleh Urus Setia untuk tujuan rekod. **Hanya**

penama di dalam sijil sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil.

- ❖ Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut :

a) Urus setia :

- Puan Marsuhana Binti Md Saad : 03 – 2603 6839
- Encik Muhamad Syafiq bin Abu Jamil : 03 – 2603 6850

b) Spesifikasi :

- Encik Nur Tarmizy Bin Tuah : 03 – 2603 6835
- Encik Helmi Aizudin Bin Abdullah : 03 – 2603 6831